


JULAI 2022



CASSIA

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT



SELAMAT HARI RAYA

AIDILADHA

Resolusi FGV Di Mesyuarat Agung Tahunan ke-14 Diluluskan Oleh Pemegang Saham

FGV telah mengumumkan bahawa para pemegang saham meluluskan semua resolusi pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-14, yang diadakan secara maya pada 23 Jun. Jumlah peratusan setiap saham undian setuju daripada 13 resolusi tersebut adalah hampir 100 peratus.

Pada permulaan AGM, Dato' Dzulkifli Abd Wahab yang merupakan Pengerusi FGV mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan. Hal ini kerana FGV telah mencatatkan prestasi terbaik sejak disenaraikan di Bursa Malaysia pada 2012 meskipun menghadapi pelbagai cabaran pada tahun 2021.

FGV turut kekal komited untuk terus melabur dan berkembang ke arah



perniagaan tani lestari dan sinergi yang lebih luas. FGV juga turut menyasarkan untuk bergerak ke arah aktiviti perniagaan lebih bernilai

tinggi bagi mencapai pulangan yang lebih stabil.

Berita penuh: <https://bit.ly/3NFU5fr>

Lembaga FGV Lantik Perunding Kaji Imbuhan Pengerusi Bukan Eksekutif Dan Pengarah Bukan Eksekutif

“Pendapatan Kumpulan meningkat 39 peratus dari tahun ke tahun sekitar RM19.57 bilion. Keuntungan sebelum zakat dan cukai meningkat dengan ketara kepada RM1.71 bilion, manakala keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti meningkat kepada RM1.17 bilion,” kata Dato’ Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi Bukan Eksekutif FGV.

“Pada tahun 2021, FGV telah menyumbang RM11.2 juta untuk membantu peneroka FELDA dengan menyalurkan dana tersebut kepada Yayasan Felda. Sumbangan ini bertujuan untuk membantu membiayai beberapa aktiviti amal dan inisiatif yang kebanyakannya tertumpu pada pendidikan, penjagaan kesihatan dan tujuan amal lain. Selain itu, sumbangan ini juga disalurkan kepada program-program seperti Waqaf Felda dan Zakat untuk kesejahteraan masyarakat,” tambah Dato’ Dzulkifli Abd Wahab.

Resolusi yang berkaitan dengan fi dan faedah Pengerusi dan Pengarah Bukan Eksekutif adalah antara resolusi yang dibentangkan sebagai hal-hal kebiasaan di semua AGM. Pada 2019, fi Pengerusi Bukan Eksekutif telah dikurangkan daripada RM600,000 kepada RM300,000, di samping beberapa pemansuhan dan pengurangan faedah tertentu.

Pada 2022, Lembaga Pengarah FGV telah melantik perunding bebas untuk menjalankan semakan dan penanda aras ke atas imbuhan pengarah bukan eksekutif.

Ketika ini, Pengerusi Bukan Eksekutif menerima secara tunai fi pengarah sebanyak RM300,000 setahun (atau RM25,000 sebulan) dan elauan kereta sebanyak RM180,000 setahun (atau RM15,000 sebulan).

Berita penuh: <https://bit.ly/3R8mg9x>

EDITORIAL

PENAUNG

Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT

Vincent Chui Tee Suan

EDITOR

Isnain Fitri Mohd Azmi

PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Ammirudin

PENULIS

Huzaifah Mazlina Mohd Alias
Nur Affifah Baharim
Nurul Sakinah Abd Aziz
Nurul Eisha Khairul Annur
Fadwa Faieqah Mohamad Ziyad

PEREKA GRAFIK

Mohamed Hariz Hassan
Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan
FGV Holdings Berhad NO 200701042133
(800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

fgvholdings.com

Perjanjian Kerjasama Antara Syarikat Perladangan Utama, Yayasan Earthworm Dan University Of Nottingham Malaysia



Beberapa syarikat perladangan utama serta sebuah badan bukan berasaskan keuntungan dan ahli akademik bersetuju untuk bekerjasama dalam menghasilkan persekitaran yang membolehkan kewujudan bersama antara manusia dan gajah.

Projek "Mencapai Kewujudan Bersama dengan Gajah" (ACE) bakal dirasmikan di selatan Semenanjung Malaysia yang membabitkan tanah perladangan di Johor.

Projek ini amat signifikan kerana ia adalah antara projek pertama penglibatan pelbagai agensi bagi menghasilkan persekitaran yang membolehkan kewujudan bersama antara manusia dan gajah di Semenanjung Malaysia menggunakan pendekatan landskap secara meluas, yang merangkumi 19 ladang dan membabitkan kira-kira 9,000 orang.

Berita penuh:
<https://bit.ly/3OND84c>



FGV, MTUC Dan ILO Malaysia Sokong Agenda Global Serta Nasional Basmi Buruh Paksa Dan Buruh Kanak-Kanak

FGV, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Malaysia telah menganjurkan bengkel kerjasama bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai isu buruh paksa serta buruh kanak-kanak di kalangan pekerja ladang FGV.

Bengkel ini yang diadakan di Kompleks Krau FGV di Bentong, Pahang dikendalikan oleh wakil MTUC dan disertai lebih kurang 60 pekerja dan 30 kakitangan pengurusan daripada ladang FGV. Turut hadir ketika bengkel tersebut adalah Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Mohd Effendy Abdul Ghani, Timbalan Presiden MTUC, Kamarul Baharin Mansor, Setiausaha Agung MTUC, dan Josh Hong, Penyelaras Projek Nasional ILO Malaysia.

Berita penuh: <https://bit.ly/3lfWiNp>

FGV Dan Projek Liber8 Tingkatkan Kesedaran Pemerdagangan Kanak-Kanak



Bersempena Hari Membasmi Buruh Kanak-Kanak Sedunia, FGV dan Project Liber8 telah menganjurkan bengkel kerjasama bagi menggalakkan

kesedaran dan pemahaman dalam kalangan pelajar sekolah mengenai isu pemerdagangan kanak-kanak dan buruh kanak-kanak. Bengkel ini

disertai pelajar daripada sekolah-sekolah kawasan Lahad Datu, Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) FGV dan juga Jabatan Pendidikan Sabah.

Peningkatan kesedaran adalah salah satu daripada beberapa inisiatif FGV untuk mengukuhkan program perlindungan kanak-kanak yang merupakan komponen penting dalam komitmen FGV di bawah Ikrar Kebangsaan Membasmi Buruh Kanak-Kanak.

Berita penuh: <https://bit.ly/3uokQhH>

FGV Beri Komitmen Tiada Kos Pengambilan Dalam Proses Pengambilan Pekerja Migran



FGV telah memulakan proses pengambilan pekerja migran baru dan kumpulan pertama telah tiba dari India semalam di Pusat Setempat FGV (One Stop Centre-OSC) di Gemencheh, Negeri Sembilan. Di OSC tersebut, 42 pekerja baru akan menjalani program induksi dan orientasi selama 4 hari. FGV juga telah memberikan sesi taklimat kepada pekerja-pekerja di negara asal mereka sebelum proses pengambilan dijalankan. Program orientasi di OSC dan sesi taklimat di negara asal bertujuan memastikan pekerja memahami sepenuhnya skop kerja, terma pekerjaan serta hak,

kelayakan dan tanggungjawab mereka berdasarkan undang-undang Malaysia dan undang-undang antarabangsa berkaitan.

Proses pengambilan tersebut dijalankan selaras dengan Panduan dan Prosedur FGV untuk Proses Pengambilan dan Penggajian Pekerja Migran secara Bertanggungjawab yang telah disemak semula baru-baru ini. Panduan tersebut juga menyatakan bahawa komitmen FGV kepada "tiada kos pengambilan" (*no recruitment cost*) dan memperkuuh dasar FGV yang melarang sekeras-kerasnya agen pengambilan daripada mengenakan sebarang

bayaran atau yuran pengambilan ke atas pekerja.

FGV juga telah memperkenalkan beberapa langkah usaha wajar (*due diligence*) termasuk pra-penilaian dan lawatan ke negara asal agen pengambilan. Hal ini bertujuan untuk menilai amalan dan komitmen mereka terhadap piawaian pengambilan pekerja secara beretika sebelum agen-agen tersebut dilantik.

Dijangka sebanyak 1,000 pekerja dari India dan Indonesia akan diambil untuk bekerja dengan FGV menjelang akhir bulan Ogos 2022.

FGV komited terhadap prinsip pengambilan pekerja secara beretika dan bertanggungjawab dan akan terus memperkuuh amalan perburuhan, selaras dengan piawaian antarabangsa hak asasi manusia dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals-SDGs*).

FGV Salur Sumbangan Kepada Mangsa Banjir Di Baling, Kedah

FGV telah menyalurkan sumbangan bernilai RM107,500 termasuk produk keluaran FGV kepada penduduk di Baling, Kedah yang terjejas akibat banjir.

Sumbangan berupa bantuan kewangan serta bantuan makanan telah disalurkan di Pusat Penempatan Sementara (PPS) SMK Jerai, Kedah.

Seramai 150 keluarga yang terjejas akibat banjir menerima wang tunai berjumlah RM500 dan Pek Bantuan Makanan (FReB) bernilai RM150 yang merangkumi makanan asas seperti 1kg minyak masak Tiga Udang, gula PRAI, garam gunung SAJI, mi segera SAJI, marjerin Seri Pelangi, pelbagai sos dan susu berperisa SAJI bersama 5kg minyak masak SAJI dan 10kg beras SAJI.



Berita penuh: <https://bit.ly/3bVdDza>

Forum Kewangan Kumpulan FGV Suntik Semangat Petugas Tingkatkan Prestasi Kewangan

Pada 2 Jun 2022, Jabatan Kewangan Kumpulan FGV telah mengadakan forum kewangan yang disertai oleh Ketua-ketua Kewangan anak syarikat di bawah Kumpulan FGV. Forum ini dipengerusikan oleh Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan FGV.

Forum yang bertempat di Hotel Sheraton Imperial Kuala Lumpur, diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan kewangan seperti ringkasan pelaporan kewangan bagi tahun 2021, sorotan pencapaian kewangan bagi suku tahun pertama 2022, ramalan suku tahun kedua 2022, pengurusan kawalan bersepada anak-anak syarikat, penilaian kualiti pelarasan dan penyata kewangan anak-anak syarikat. Selain itu, projek-projek semasa Jabatan Kewangan yang berlangsung dan isu-isu berbangkit yang lain juga dibincangkan dalam forum ini.


Forum ini juga turut dihadiri oleh Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad, pengerusi jawatankuasa audit FGV. Ucapan beliau

dimulakan dengan penegasan bahawa cepat menyesuaikan diri dengan budaya baharu adalah kunci kejayaan diri atau sesebuah organisasi. Beliau turut memberi penerangan tentang fokus utama jawatankuasa audit pada tahun 2022 meliputi peranan dan tanggungjawab utama jawatankuasa

akhiri dengan sesi penganugerahan kepada ketua kewangan yang mendapat markah tertinggi dengan menunjukkan prestasi memberangsangkan semasa penilaian pelaporan kewangan tahun 2021. Prestasi ini telah dinilai dari segi kualiti pelarasan dan kualiti penyata kewangan oleh juruaudit luar Kumpulan FGV, iaitu Tetuan Pricewaterhouse PLT ("PwC").

Diharapkan agar penghargaan tersebut dapat membakar semangat anak-anak syarikat lain untuk turut berusaha keras dalam penyediaan pelaporan kewangan ini. Kumpulan Kewangan juga akan terus memastikan pencapaian

penarafan yang lebih tinggi dan meningkatkan keberkesanan proses pelaporan pada masa akan datang. Dengan adanya aktiviti sebegini, iaanya dapat menyuntik semangat kepada semua syarikat untuk meningkatkan prestasi masing-masing.



audit seperti integriti pelaporan kewangan selaras dengan Bursa dan garis panduan 'Malaysian Code on Corporate Governance ("MCCG")'.

Sesi pertukaran buah fikiran dan perbincangan produktif ini berlangsung sehingga jam 12.30 tengahari dan di

33 Peserta Young Shapers Programme (Kumpulan 1) Terima Anugerah Diploma Eksekutif Kepimpinan Pengurusan Projek



Seramai 33 orang peserta dari *Young Shapers Programme* telah menerima Anugerah Diploma Eksekutif dalam Kepimpinan Pengurusan Projek di Majlis Konvokesyen Asia Metropolitan University yang telah berlangsung dengan meriahnya di University of Cyberjaya.

Young Shapers Programme adalah sebuah program untuk memupuk kecekapan peserta yang dipilih dari segi

pengurusan projek agar kelak mereka dapat menjadi individu yang mempunyai pemikiran yang strategik dalam menghasilkan sebuah projek bagi meningkatkan mutu perniagaan syarikat FGV.

Majlis Graduasi ini dimulakan dengan ucapan aluan Presiden & CEO dari Aimsmet Executive Education, Profesor Dato' Dr Jayles Yeoh dan disusuli dengan ucapan dari YB Dato' Sri Ti Lian Ker,

Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

Sesi graduasi telah disempurnakan oleh Naib Canselor Asia Metropolitan University, Yang Berusaha Profesor Dr. Mohamad Khan Jamal Khan. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan tausiah dari Sri Kivan Prasanth, wakil peserta *Young Shapers Programme*.

Majlis Konvokesyen tersebut berakhir dengan sesi bergambar para graduan bersama Azman Ahmad, Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perniagaan Logistik & Sokongan FGV, Mohamad Fauzi Hassan, Pegawai Bertanggungjawab Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan FGV dan Rajan Subramiam, Ketua Latihan & Pembangunan Kumpulan FGV.

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua graduan.

Felda Travel Sediakan Pembimbing Wanita Khas Buat Kaum Hawa



Felda Travel Sdn Bhd mengambil inisiatif proaktif dengan menyediakan ustazah sebagai pembimbing ibadah khas buat jemaah haji wanita di Tanah Suci.

Inisiatif ini yang telah bermula sejak 2018, dilaksanakan bagi memenuhi keperluan serta keselesaan untuk jemaah haji wanita sepanjang menunaikan haji.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus FGV berkata, "Bakal haji Felda Travel ini sangat bertuah terutamanya untuk jemaah wanita kerana tidak banyak agensi haji yang membawa Ustazah sebagai pembimbing ibadah di Tanah Suci."

Menurut beliau lagi, pembimbing wanita ini dibawa khusus bagi menjaga keperluan ibadah dan keperluan lain yang berkaitan dengan kaum Hawa.

Dengan berbekalkan pengalaman menguruskan haji sejak tahun 2007, pengurusan dan warga kerja Felda Travel bersedia dan komited untuk memberikan layanan terbaik kepada para jemaah haji tahun ini.

Majlis taklimat yang diadakan di Hotel Tenera, Bangi hari ini merupakan salah satu persiapan akhir bakal haji untuk memantapkan kefahaman ibadah haji selain memberi pendedahan dari segi teori dan amali.

Rombongan haji Felda Travel pada tahun ini akan membawa 74 orang bakal haji diiringi oleh tiga orang petugas yang terdiri daripada Ketua Operasi Haji iaitu Tuan Haji Rizal Khalip dan dua orang pembimbing

ibadah haji, iaitu Ustaz Haji Ahmad Nazmie dan juga Ustazah Hajah Ayu Suhana Merican.

Penerbangan pertama untuk rombongan haji di bawah Felda travel mula berangkat pada 26 Jun, diikuti pada 29 Jun, dan yang terakhir pada 2 Julai 2022.



TAHNIAH SAJI! Jenama Paling Dipercayai Oleh Rakyat Malaysia

Berdasarkan kaji selidik Trusted Brands oleh Reader's Digest, SAJI telah diiktiraf sebagai jenama yang paling dipercayai oleh rakyat Malaysia.

SAJI mempunyai reputasi unggul sebagai penanda aras kepada jenama yang boleh dipercayai di Malaysia dan seluruh dunia. SAJI yang memenangi anugerah dalam kategori minyak masak, telah memenuhi keperluan masakan rakyat Malaysia sejak ia dilancarkan lebih dua dekad lalu.

FELDA Dan FGV Taja Ibadah Korban 70 Asnaf Di Besut, Terengganu



Sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat, FGV Holdings Berhad (FGV) menaja 70 asnaf melaksanakan ibadah korban di Masjid 8 Kubah, Kampung Lapan Kotak, Besut, Terengganu sempena sambutan Majlis Korban Perdana FELDA dan FGV.

Majlis ini dirasmikan oleh Dato' Muhammad Pehimi Yusof, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jerteh.

Turut serta ialah Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus FGV, Mohd Nazrul

Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV dan Razuwan Che Ros, Ketua Pegawai Eksekutif Waqaf FELDA.

Ketika majlis berlangsung, Dato' Dzulkifli berkata, "FGV berbesar hati dapat meraikan Hari Raya Aidiladha bersama-sama komuniti di kawasan ini.

Insyaallah, pihak syarikat akan terus mengadakan program-program seperti ini di masa-masa akan datang sebagai tanggungjawab kami untuk menyumbang kembali kepada masyarakat setempat."

Dalam majlis tersebut, FELDA dan FGV turut menyumbangkan 10 ekor lembu dan daging korban diaghikhan kepada penerima.

Selain itu, FGV telah menyumbangkan 70 botol minyak masak SAJI 5kg kepada asnaf dan wang zakat serta

sumbangan sebanyak RM20,000 kepada pengurusan Masjid 8 Kubah.

Majlis Korban Perdana FELDA dan FGV kali ini telah menyeri dan memeriahkan lagi serta memberi lebih makna kepada sambutan Aidiladha bagi masyarakat Jerteh tahun ini.



Lebih 10,000 Peneroka Hadiri Sambutan Hari Peneroka 2022



Hari Peneroka FELDA 2022 telah diadakan pada Khamis, 14 Julai bertempat di FELDA Rentam, Bera, Pahang.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.



Turut hadir ke program tersebut ialah YB Tan Sri Idris Jusoh, Pengurus FELDA, Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus Kumpulan FGV, disertai oleh Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV,

Program berkenaan turut disertai beberapa anak syarikat FGV antaranya



FGV R&D, FGV Agri Services, Felda Travel, FGV Prodata Systems, Delima Oil Products, FGV Security Services dan FGV Integrated Farming yang mengadakan pameran dan jualan produk.

Lebih 10,000 peneroka menerima cenderahati dan minyak masak sumbangan FGV.

Realising




CAKNA IKLIM @ FGV

Menelusuri perkembangan terkini mengenai perubahan iklim dan usaha FGV dalam menghadapi cabaran perubahan iklim.

Bumi Semakin Membahang, Dampak Dosa Manusia

Dunia sedang menyaksikan peningkatan suhu setinggi 1.1°C berbanding purata suhu yang direkodkan sebelum era industrialisasi. Peningkatan suhu sebanyak 1°C adalah signifikan kerana perubahan suhu sebanyak itu memerlukan jumlah haba yang sangat tinggi untuk memanaskan lautan, atmosfera dan isi daratan bumi. Fenomena peningkatan suhu ini adalah disebabkan peningkatan pelepasan gas rumah hijau seperti karbon dioksida, metana, dan nitrus oksida.

Perubahan Suhu Global ($^{\circ}\text{C}$ berbanding purata suhu 1951 – 1980)



Gambar rajah menunjukkan perubahan suhu global sejak 100+ tahun yang lepas. Gambar rajah ini dicipta khas oleh Profesor Ed Hawkins berdasarkan data perubahan iklim daripada Institute of Environmental Analytics di University of Reading, UK (2022).

Sekiranya peningkatan suhu ini tidak dihadkan, kita bakal menyaksikan lebih banyak kejadian bencana alam berpunca daripada kesan buruk perubahan iklim seperti taufan, banjir, kebakaran hutan dan kemarau yang akan memberi tekanan kepada sistem ekonomi, sosial dan politik.

Peningkatan suhu cuma salah satu daripada kayu ukur atau indikator bagi perubahan iklim. Perubahan iklim turut dikesan melalui kepekatan gas rumah hijau di atmosfera, kandungan haba lautan, pH lautan, purata paras air laut, jisim glasier dan liputan ais bumi.

Untuk maklumat lanjut dan kolaborasi berkaitan isu perubahan iklim, sila hubungi Unit Alam Sekitar dan Tindakan Perubahan Iklim (Environment and Climate Action Unit) di climateaction@fgvholdings.com

Kempen #ShowYourStripes Mengarusperdanakan Perubahan Iklim di FGV

Pada 21 Jun 2021, Bahagian Kelestarian Kumpulan telah menganjurkan kempen #ShowYourStripes yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran warga FGV akan isu perubahan iklim yang melanda dunia. Kempen ini disertai oleh ratusan pekerja FGV di Wisma FGV yang merangkumi empat sektor bisnes dan lebih sepuluh bahagian utama di FGV.



Keluarga MSM Kekal Sihat Seimbangkan Kerja Dan Kehidupan



FGV sangat menghargai keseimbangan antara kerja dengan kehidupan dalam kalangan Warga MSM. Hal ini sejajar dengan pepatah Barat iaitu "Health is Wealth". Oleh itu, kami telah memberikan nilai tambah sebagai sebahagian daripada keluarga besar yang dinamakan sebagai "Keluarga MSM" bagi membina rasa perpaduan yang dikongsi bersama.

Baru-baru ini seramai 15 Warga MSM dari MSM Johor telah menjayakan aktiviti pendakian di Bukit Pasir - Sisek, Pelepas Kiri Kota Tinggi, Johor. Lokasi ini terkenal dalam kalangan peminat pendakian dan terletak di dalam kawasan hutan simpan. Justeru itu, sebarang

aktiviti memerlukan permit dan malim gunung yang berdaftar daripada pihak berwajib.

Mereka mulakan perjalanan seawal jam 8:40 pagi, melalui denai yang mencabar sebelum sampai ke air terjun Sungai Pelepas Kiri pada jam 12:30 tengah hari. Perjalanan tersebut semestinya berbaloi sebaik mereka dapat menikmati kehijauan alam bersama.

Selain itu, pada tahun ini kami secara rasmi telah melancarkan pendaftaran Kelab MSM Foldies. Setiap pendaftaran akan menerima kelengkapan berbasikal yang direka khas seperti baju, topi keledar dan botol air untuk setiap ahli.

MSM Foldies Club juga menyediakan saluran untuk Warga MSM menjalani gaya hidup sihat. Pada 26 Jun 2022 bersempena dengan KL Car Free Morning, ahli-ahli MSM Foldies Club juga tidak ketinggalan untuk melibatkan diri dalam kempen ini. Manfaatnya, mereka dapat menikmati perjalanan pagi di Kuala Lumpur. Mereka memulakan laluan dari Dataran Merdeka sambil menghayati pemandangan Kuala Lumpur dan menamatkan perjalanan di kawasan KL River of Life.

Tahniah Warga MSM Johor!

MSM Berjaya Capai Sifar Kemalangan Dalam Keselamatan Bagi Lima Bulan Pertama 2022

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang sihat, selamat serta aktif dalam mengusahakan pencegahan kemalangan bagi semua operasi. Bersempena dengan Hari Keselamatan dan Kesihatan Sedunia di tempat kerja yang disambut setiap tahun pada 28 April, MSM melalui anak syarikatnya MSM Prai Berhad (MSM Prai) telah menganjurkan Minggu Kesihatan dan Keselamatan yang diisi dengan program kesihatan dan keselamatan. Inisiatif ini juga dilakukan oleh MSM Sugar Refinery Johor Sdn Bhd (MSM Johor) dan MSM Sungai Buloh Warehouse (MSM SBW) pada Mei 2022.



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata "Kesihatan dan Keselamatan adalah keutamaan di MSM. Kumpulan MSM berusaha untuk tidak membahayakan manusia, alam sekitar serta harta benda. Kami melihat perkara

ini antara pemboleh utama untuk memastikan pemulihan dan pertumbuhan perniagaan yang mantap di MSM."

Berita penuh:
<https://bit.ly/3bZ3EzC>

Dr Gideon Punya Misi Besar Didik Masyarakat Tentang Kebaikan Sawit

Dr Gideon Tan mendapat biasiswa penuh daripada Felda pada tahun 2006.

Mula berkhidmat di FGV pada tahun 2012, pemegang sarjana kejuruteraan mekanikal itu telah berkhidmat di beberapa jabatan yang berbeza dalam tempoh 10 tahun.

Setelah berkhidmat di Jabatan Hiliran FGV, Gideon, 34, mula berminat dengan industri sawit, khususnya pokok kelapa sawit.

Ini adalah kerana beliau sedar bahawa pokok kelapa sawit bukan sahaja membawa manfaat kepada individu, malah masyarakat dan juga negara.

Bermula dengan mendidik serta berkongsi maklumat bersama rakan serta saudara terdekat, Gideon mula bercita-cita untuk mendidik lebih ramai orang mengenai sawit.


Lantas beliau mengambil pendekatan melukis komik berkaitan kelapa sawit dan

berhasrat bagi menerbitkan sebuah komik mengenai sawit agar pelbagai maklumat mengenai kelapa sawit dapat dikongsi bersama orang ramai.


"Saya mula melukis untuk menyampaikan maklumat kepada rakan sekerja dan pengurusan atasan dan saya tak menyangka bahawa ia menerima sambutan yang sangat baik," kata Gideon.

"Ini mencetuskan idea untuk mula melukis komik tentang kebaikan dan maklumat kelapa sawit supaya ia mudah difahami oleh lebih ramai orang."

Bagi merealisasikan hasratnya untuk menyebarkan kesedaran mengenai kebaikan sawit kepada masyarakat, khususnya generasi muda, anak kelahiran Muar, Johor itu menyasarkan untuk menerbitkan komik berkaitan kebaikan kelapa sawit hujung tahun ini.



KOMIK





Mesej Dari Pengerusi KSFGV

Alhamdulillah, setelah dua tahun tidak dapat menjalankan sebarang aktiviti akibat kekangan pandemik, akhirnya tahun ini KSFGV melalui Zon KL dapat menganjurkan kejohanan pertamanya iaitu Badminton Piala Pengerusi FGV dan Bola Jaring Piala Srikandi.

Kita sangat beruntung kerana mempunyai pihak pengurusan yang prihatin, sentiasa mendokong hasrat petugas dan responsif terhadap keperluan petugas dalam memupuk budaya bersukan dan melahirkan bakat dalam apa juar bidang sukan atau rekreasi yang diminati.

Budaya sukan dalam kalangan petugas dapat membantu melahirkan modal insan yang seimbang dan holistik dari segi

jasmani, emosi, rohani dan intelek ke arah kecemerlangan sistem pengurusan kerja di FGV khususnya.

Justeru, setiap petugas diharapkan akan melibatkan diri secara aktif dengan menyertai aktiviti sukan dan rekreasi yang akan dianjurkan KSFGV sepanjang tahun.

Sesungguhya penyertaan petugas FGV dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh KSFGV amatlah dinanti-nantikan.

Buat semua ahli KSFGV, bantulah Jawatankuasa dengan memberikan sebarang idea dan cadangan bagi mempelbagaikan aktiviti yang akan menarik lebih banyak penyertaan petugas

sebagai ahli. Keahlian kita semua akan membangkitkan lagi semangat kerja berpasukan dalam semua bentuk aktiviti samada sukan maupun kerja harian kita selain dapat mengeratkan sillaturahim di antara kita.

KSFGV sebagai penggerak aktiviti sukan dan rekreasi, akan terus merancang program-program yang memanfaatkan ahlinya. Perhatian dan sokongan tidak berbelah bagi dari pihak pengurusan pula amatlah dihargai.

Terima kasih.

Muhammad Najib Ab Manan
Pengerusi KSFGV



Tahniah Pemenang Dan Terima Kasih Peserta Kejohanan Badminton Piala Penggerusi & Bola Jaring Piala SriKandi

Tahniah kepada semua peserta dan pemenang Kejohanan Badminton Piala Penggerusi dan Bola Jaring Piala SriKandi anjuran KSFGV Zon Kuala Lumpur pada 11 Jun.

Pengerusi Kumpulan FGV, Dato' Dzulkifli Abd Wahab merasmikan kejohanan tersebut di Uptown Sports Bangi, Selangor yang turut disertai oleh barisan pengurusan kanan Kumpulan FGV.



Sukarelawan KSFGV Raikan Murid-Murid SMP Pendidikan Khas Setapak Dalam Kejohanan Merentas Desa Ke-11

Terima kasih kepada sukarelawan dari Kelab Sukan FGV yang menjayakan Kejohanan Merentas Desa ke-11 anjuran SMK Pendidikan Khas Setapak, Kuala Lumpur di Taman Tasik Danau Kota pada 29 Jun.

Mereka telah berlari sebagai pembimbing larian bersama-sama Murid Berkeperluan Pendidikan Khas sejauh 3 km.



Kumpulan FGV Raih Tempat Ketiga Kejohanan Bowling Jemputan Piala Ketua Pengarah Anjuran JTKSM

Kumpulan FGV telah meraih tempat ketiga keseluruhan dalam Kejohanan Bowling Jemputan Piala Ketua Pengarah anjuran Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) pada 2 Jun lalu di Wangsa Bowl IOI City Mall, Putrajaya. FGV yang diwakili oleh Muhammad Najib Ab Manan, Hairul Azdi Mustafa (FGVH), Mohd Zameri Mat Zin @ Abdullah, Mohamed Shamsudin Mohd Shah (FGVAS), Muhamad Amin Samsudin, Tajul Azwa Haris selaku Ketua Pasukan (FGVT) dan Izana Ismail (FGV R&D). Tahniah *Bowlers* FGV!



Program Kayuhan Tautan Kasih FGV & MAIPs Bersama Raja Muda Perlis Di Felda Gunung Besout

FGV dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah menganjurkan Program Kayuhan Tautan Kasih FGV & MAIPs Bersama Raja Muda Perlis di Felda Gunung Besout, Trolak, Perak.

Program yang merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat FGV ini diadakan pada 2 Julai.

AKTIVITI AKAN DATANG

Bowling Piala GCEO
Hiking
Futsal
Golf

Puding Jagung



Resipi oleh:
Ruslina Ab Rahman
DOP

BAHAN-BAHAN:

300 gm tepung kastard
1 tin krimer cair Saji
1 cawan gula Prai
1 cubit garam gunung Saji
5 tin air (ikut sukatian tin krimer)
1 tin jagung manis

CARA PENYEDIAAN:

- Masukkan tepung kastard, krimer cair, air dan gula. Kacau sehingga larut.
- Setelah larut, masukkan garam dan kacau sehingga pekat.
- Tuangkan ke dalam acuan dan biar sejuk seketika. Siap untuk dihidangkan.

Jejari Pisang Manis

BAHAN-BAHAN:

Pisang
Minyak masak Saji
Gula Prai
Marjerin Seri Pelangi
Air asam jawa
Pewarna kuning

CARA PENYEDIAAN:

- Kupas kulit pisang dan potong memanjang.
- Panaskan minyak masak dan goreng pisang yang telah dipotong, seterusnya tos dan angkat.
- Dalam kuali berasingan, masukkan gula, air asam jawa, marjerin dan pewarna kuning seterusnya kacau sehingga menjadi karamel.
- Masukkan pisang yang telah digoreng dan Gaul sehingga sebati. Sedia untuk dihidangkan.



Resipi oleh:
Harmasiah Nurdin
FGVAS Sabah



Tahniah pemenang

10 Produk Makanan FGV Tersembunyi



Siti Yusfareena Yusuff (FGV SSC)

Nur Suriani Bahari (FGVHB)

Nur Alyani Badrol Hisham (FGVHB)

Mohd Amiruddin Hamid (FGVHB)

Nurwahida Yusoff (DOPSB)

Para pemenang akan dihubungi oleh Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan



Pertandingan Mewarna Merdeka

Pencinta seni yang gemar mewarna dan kreatif dalam menghasilkan karya seni, inilah peluang anda untuk menyerlahkan bakat dan tunjukkan kreativiti anda kepada kami!

Kongsikan kemahiran anda dalam seni dengan menghasilkan sebuah lukisan yang penuh dengan warna keceriaan. Inilah masanya untuk memperlihatkan kreativiti anda sekaligus dapat meraikan hari kebangsaan Malaysia buat kali yang ke-65.

Tunggu apa lagi? Hadiah menarik menanti anda!

Syarat-Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada semua petugas kumpulan FGV.
2. Peserta perlu mencetak lukisan digital yang telah disediakan.
3. Peserta hanya dibenarkan menggunakan warna pensel sahaja. Penggunaan peralatan digital tidak dibenarkan sama sekali. Para peserta boleh menambah pelbagai idea dalam lukisan mengikut kreativiti berdasarkan lukisan yang telah disediakan oleh pihak pengangur.
4. Setelah lukisan telah siap diwarnakan, peserta perlu mengimbas lukisan tersebut dalam format JPG, PNG atau PDF.
5. Lukisan perlu dihantar ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com sebelum tarikh 5 Ogos 2022
6. Sila sertakan nama penuh, emel dan nombor telefon untuk dihubungi.

